

TEKS UCAPAN ALUAN

Yang Berbahagia
Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

**PERTANDINGAN AKHIR DAN MAJLIS PERASMIAN
PENUTUP
IKON MUADDIB 2023
7 JULAI 2023
BUSINESS THEATRE A, BANGUNAN AL FARABI
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

salutasi (to be confirmed)

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi

kesempatan untuk bersama-sama dalam Pentas Akhir Pencarian Ikon Muaddib 2.0 pada hari ini. Turut bersama kita pada hari ini ialah Yang Berbahagia Prof. Dr. Azlinda Binti Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. Terima kasih Yang Berbahagia Prof. kerana sudi hadir dalam program ini.

2. Juga, jutaan terima kasih dan tahniah kepada barisan jawatankuasa pengelola kerana dapat menganjurkan majlis pada hari ini. Sudah pastinya, program seperti ini amat penting dalam membentuk sahsiah pelajar, membangunkan karakter dan mengembangkan nilai serta bakat siswa-siswi UiTM.

3. Saya juga merakamkan penghargaan kepada usaha murni garapan idea dan jalinan hubungan di antara fakulti yang terlibat bagi menjayakan program ini. Tahniah kepada Fakulti Pendidikan, tahniah kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Fakulti Perladangan & Agroteknologi, dan UiTM Cawangan Pahang. Semoga Ikon Muaddib 2023 yang di cari-cari

pada hari ini dapat membina nilai tambah kepada pembangunan jatidiri pelajar UiTM seluruhnya.

Mahasiswa yang dikasihi sekalian,

4. Pelaksanaan program ini harus dilihat selari dengan visi UiTM yang tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan akademik, malah juga menekankan kecemerlangan bakat dan nilai pelajar dalam bidang kerohanian. Dalam mencapai hasrat ini, saya percaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM sentiasa memberi pendedahan insaniah kepada mahasiswa melalui program-program kemahiran berorientasikan dakwah.

5. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa bangga atas keterlibatan para mahasiswa UiTM yang terus berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan bakat diri melalui peluang yang telah disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM dengan menyertai program pencarian Ikon Muaddib 2.0 ini.

6. Program ini sesungguhnya dapat menerapkan konsep IDART yang membina semangat para peserta Ikon Muaddib mengenai pemahaman, penghayatan dan perkongsian dalam meningkatkan martabat diri, mengamalkan nilai murni demi manfaat bersama.

Buat finalis yang bertanding,

7. Saya mendoakan kejayaan kepada semua yang mengambil bahagian. Menang, kalah adalah adat pertandingan. Semangat juang, manfaat daripada program ini dan pengalaman yang dicipta diharapkan dapat meningkatkan lagi peribadi murni dan jatidiri unggul dalam diri anda semua.

8. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM, Fakulti Pendidikan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Pahang, Bahagian Zakat, Sedekah & Waqaf (ZAWAF-UITM) dan semua

yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Ikon Muaddib 2.0.

9. Semoga Program Ikon Muaddib akan terus mengekalkan konsistensi penganjuran di UiTM dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan siswa siswi UiTM.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.